

SOALAN:

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan kerjaya. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor pemilihan kerjaya

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Kehendak/tugasan soalan:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **faktor-faktor pemilihan kerjaya** iaitu:
 - minat dan cita-cita
 - kelayakan akademik (calon juga boleh memberikan maksud yang sama)
- ii. Calon perlu menyentuh **semua bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan dengan faktor-faktor pemilihan kerjaya – **DITERIMA DAN DISEMAK SEPERTI BIASA**
- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum **KEPUJIAN (20 – 25)**
- v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum **KEPUJIAN (20 – 25)**
- vi. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum **MEMUASKAN (15 – 19)**
- vii. Jika tiada/tidak lengkap perenggan penutup – maksimum **KEPUJIAN (20 – 25)**
- viii. Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

Soalan 1

Kemerosotan jumlah pelajar aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di negara kita telah memberikan implikasi terhadap daya tampung tenaga profesional bagi pembangunan negara pada masa hadapan. Hal ini disebabkan oleh penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam aliran STEM di sekolah menjadi faktor penurunan minat pelajar mengikuti jurusan ini. Selain itu, faktor kekurangan guru yang mampu menguasai subjek STEM turut menyebabkan permasalahan ini berlaku.

Sumber: www.bharian.com

Bincangkan faktor-faktor yang terdapat dalam petikan dan faktor lain yang menyebabkan kemerosotan jumlah pelajar dalam aliran STEM.

Tema DSKP: Sains, Teknologi dan Inovasi (Tema 6 Tingkatan 5)**a) Kehendak/ tugas soalannya:**

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **faktor-faktor yang terdapat dalam petikan berserta faktor lain** yang menyebabkan kemerosotan jumlah pelajar dalam aliran STEM iaitu:
 - penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam aliran STEM di sekolah
 - kekurangan guru yang mampu menguasai subjek STEM

b) Kemungkinan jawapan:

- i. Calon menghuraikan **sebahagian** idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum **KEPUJIAN (55 – 63)**
- ii. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja **tanpa** menambah idea lain – maksimum **KEPUJIAN (55 – 63)**
- iii. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum **BAIK (45 – 54)**

Soalan 2

Isu kenaikan harga barangan bukan perkara baharu terutamanya ketika menjelangnya musim perayaan di negara kita. Pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha termasuklah memperkenalkan inisiatif pengawalan harga melalui penetapan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Sumber: Portal Rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Selain usaha yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan usaha-usaha lain yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menangani isu kenaikan harga barang.

Tema DSKP: Integriti (Tema 17 Tingkatan 5)**a) Kehendak/tugasan soalan:**

- i. Calon dikehendaki **usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menangani isu kenaikan harga barang KECUALI usaha yang dinyatakan dalam petikan:**
-Pihak kerajaan memperkenalkan inisiatif pengawalan harga melalui penetapan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)

b) Kemungkinan jawapan:

- i. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan – maksimum **KEPUJIAN (55 – 63)**
- ii. Calon menghuraikan idea dengan mengaitkan peranan pelbagai pihak – maksimum **KEPUJIAN (55 – 63)**
- iii. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja – maksimum **BAIK (45 – 54)**
- iv. Calon menghuraikan isu kenaikan harga barang tanpa mengaitkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan – maksimum **BAIK (45 – 54)**

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 3

Pemimpin yang berkualiti mampu memimpin kumpulannya mencapai kejayaan sehingga dapat menghasilkan produk atau perkhidmatan terbaik untuk kecemerlangan organisasi. Mereka juga perlu mempunyai sifat kebijaksanaan dan keperibadian tinggi dalam mencapai matlamat organisasi.

Sumber: www.bharian.com.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan ciri-ciri pemimpin yang berkualiti.

Tema DSKP: Pentadbiran dan Politik (Tema 18 Tingkatan 5)

a) **Kehendak/tugasan soalan:**

- i. Calon dikehendaki menghuraikan ciri-ciri pemimpin yang berkualiti iaitu:
 - mampu memimpin kumpulannya mencapai kejayaan sehingga dapat menghasilkan produk atau perkhidmatan terbaik
 - sifat kebijaksanaan
 - keperibadian tinggi

b) **Kemungkinan jawapan:**

- i. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan dengan ciri-ciri pemimpin yang berkualiti – **DITERIMA SEPERTI BIASA**
- ii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum **KEPUJIAN (55 – 63)**
- iii. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan/bahan – maksimum **BAIK (45 – 54)**

Soalan 4

Industri inap desa ataupun *homestay* semakin mendapat tempat dalam kalangan pelancong. Industri ini menjadikan pelancong dapat mengenali aktiviti kebudayaan dan warisan masyarakat setempat. Selain itu, pengusaha inap desa dapat menjana pendapatan yang lumayan. Sekiranya industri inap desa diusahakan dengan giat, industri ini juga mampu meningkatkan ekonomi negara.

Sumber: dewan.selangor.gov.my

Berdasarkan petikan di atas, tulis rencana berkaitan manfaat-manfaat industri inap desa.

Tema DSKP: Pelancongan (Tema 10 Tingkatan 5)

a) **Kehendak/ tugas soal:**

- i. Calon dikehendaki menulis sebuah **rencana** tentang manfaat-manfaat industri inap desa iaitu:
 - dapat mengenali aktiviti kebudayaan dan warisan masyarakat setempat
 - dapat menjana pendapatan yang lumayan
 - mampu meningkatkan ekonomi negara

b) **Kemungkinan jawapan:**

- i. Calon menghuraikan idea tanpa menggunakan format rencana – maksimum **KEPUJIAN (55 – 63)**
- ii. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea- idea lain yang berkaitan dengan manfaat inap desa – **DITERIMA SEPERTI BIASA**
- iii. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain – maksimum **KEPUJIAN (55 – 63)**
- iv. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan/bahan – maksimum **BAIK (45 – 54)**